



20 MAR, 2023

96,000 pengunjung Bazar Ramadan Rahmah dapat RM20

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Fuziah mengagihkan bubur lambuk kepada pengunjung pada Program Bubur Lambuk Sempena Ambang Ramadan di tapak Pasar Tani UTC Kuantan, semalam.
(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

96,000 pengunjung Bazar Ramadan Rahmah dapat RM20

KPDN sedia peruntukan RM2.3 juta menerusi insentif e-dompet

Oleh Khairulmizan Yahya
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) menyediakan peruntukan RM2.3 juta sebagai insentif kepada kira-kira 96,000 pengunjung Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata menerusi Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) itu, pengunjung Bazar Ramadan Rahmah bakal menerima e-dompet bernilai RM20 seorang melalui operator atau penyedia platform e-dompet yang bekerjasama dengan kementerian itu.

Beliau berkata, insentif e-dompet itu akan diberikan kepada 6,000 pengunjung setiap negeri sepanjang Ramadan dan pengunjung boleh mendapatkannya di kaunter bazar berkenaan.

Masih kenal pasti lokasi

Katanya, setakat ini KPDN mempunyai 29 Bazar Ramadan Rahmah berdaftar dan lebih banyak lagi akan mendaftar dengan saran 50 bazar seluruh negara yang akan ditempatkan di kawasan B40, manakala lokasi masih dikenal pasti.

"Setiap negeri kita laksanakan sebanyak enam kali, ini bermakna 6,000 pengunjung akan menerima manfaat daripada inisiatif itu di setiap negeri dengan pengguna hanya dapat sekali sahaja insentif berkenaan," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas Program Bubur Lambuk Sempena Ambang Ramadan di tapak Pasar Tani UTC, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang,

Saiful Sadri.

Fuziah berkata, selain membantu rakyat, inisiatif itu juga bagi menggalakkan pengguna dan peniaga ke arah digital dan transaksi tanpa tunai.

"Setakat ini, kita sudah menjalinkan kerjasama dengan dua operator e-dompet, namun masih membuka peluang kepada lebih banyak operator untuk menjadi rakan strategik kita.

"Selain itu, Bazar Ramadan Rahmah juga berbeza dengan bazar Ramadan biasa kerana kita menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus peniaga menyediakan Menu Rahmah," katanya.

Fuziah turut mengingatkan peniaga bazar Ramadan supaya sensitif mematuhi peraturan dengan mempamerkan tanda harga dan menawarkan harga berpatutan, manakala pengguna juga diingatkan menjadi pengguna bijak.

Beliau berkata, peniaga yang ingkar mempamerkan tanda harga boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.



20 MAR, 2023

96,000 pengunjung Bazar Ramadan Rahmah dapat RM20

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Fuziah mengagihkan bubur lambuk kepada pengunjung pada Program Bubur Lambuk Sempena Ambang Ramadan di tapak Pasar Tani UTC Kuantan, semalam. (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

KPDN sedia peruntukan RM2.3 juta menerusi insentif e-dompet

Kuantan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyediakan peruntukan RM2.3 juta sebagai insentif kepada kira-kira 96,000 pengunjung Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara.